

Bab 3

PELABURAN LANGSUNG ASING DI MALAYSIA

3.1 Pengenalan

Pelaburan langsung asing (FDI) merupakan satu fenomena ekonomi yang penting di Malaysia. Keadaan ekonomi terbuka yang diamalkan oleh Malaysia membolehkan ia menjadi salah satu penerima FDI yang terbesar. Di samping itu, suasana dan keadaan Malaysia yang bersaing dengan kemudahan-kemudahan yang disediakan, tenaga buruh yang banyak dan mahir, polisi-polisi kerajaan yang sentiasa konsisten dan beberapa insentif untuk menarik pelaburan asing telah menjadikan Malaysia sebagai salah satu destinasi untuk pengaliran FDI.

3.2 Latar belakang dan Perkembangan FDI

Pengaliran FDI telah berlaku sejak zaman kolonial lagi. Seawal tahun 1920 pelaburan British telah dilakukan di negara ini. Pelaburan British ketika itu lebih menumpukan kepada aktiviti asas menggunakan bahan mentah seperti perlombongan dan perladangan. Pelaburan British ini berjumlah lebih daripada 90 peratus daripada keseluruhan jumlah pelaburan. Ia meningkat dari £33 juta dalam 1913 kepada £108 pada tahun 1930 (Arif 1991). Manakala pada tahun 1937, FDI yang dilakukan oleh kerajaan British adalah sebanyak 70 peratus daripada keseluruhan jumlah pelaburan (Edwards 1992). Keperluan untuk membekalkan keperluan bahan mentah untuk perindustrian di Eropah dan khususnya di Britain menjadi faktor penyebab utama kerajaan kolonial British membuat pelaburan di negara ini. Penglibatan negara-negara lain dalam

kemasukan FDI ke Malaysia adalah amat terhad kepada negara Amerika dan Perancis di mana mereka terlibat secara kecil-kecilan di dalam perlombongan bijih manakala Jepun pula terlibat di dalam pelaburan besi (Kanapathy 1970).

Selepas kemerdekaan, kerajaan cuba mengamalkan polisi yang lebih liberal dan menggalakkan proses perindustrian serta kemasukan FDI. Sebaik sahaja selepas merdeka, kerajaan memperkenalkan Ordinan Industri Perintis 1958². Ordinan ini bertujuan untuk menggalakkan penubuhan sebanyak mungkin syarikat-syarikat dan industri pembuatan. Insentif yang ditawarkan di dalam ordinan ini telah menarik minat firma-firma antarabangsa di mana British pada ketika ini masih lagi menjadi pelabur utama. Manakala negara-negara seperti Singapura, Jepun dan Hong Kong mula menunjukkan minat untuk melabur. Kewujudan Ordinan Industri Perintis 1958 telah memberi kesan positif apabila ia berjaya meningkatkan hakmilik firma perintis dari RM 56 juta pada tahun 1962 kepada RM 345.2 juta pada tahun 1969 (Jadual 3.1). Manakala tahun 1965 sahaja, jumlah kemasukan FDI dianggarkan RM 300 juta.

**Jadual 3.1: Hakmilik Firma Perintis (1962-1969)
(RM juta)**

Negara	1962	1969
Singapura	19.6	86.5
United Kingdom	16.0	79.8
Amerika Syarikat	3.6	67.5
Jepun	1.3	38.4
Hong Kong	4.3	33.5
Lain-lain	11.2	39.0
Jumlah	56	345.2

Sumber: Jesudasson 1988

Kepentingan untuk meningkatkan lagi pengaliran masuk FDI bertambah apabila Malaysia telah kehilangan faedah berbanding di dalam aktiviti tradisional iaitu sektor

² Ordinan ini dicadangkan oleh Industrial Development Working Party.

erlombongan dan pertanian. Tidak seperti tahun 1950an dan awal 1960an, Malaysia akan lagi pengeluar utama bagi getah asli dan bijih timah. Oleh itu, kemasukan FDI ialah penting bagi mengurangkan pergantungan kepada sektor utama dan mempelbagaikan ekonomi.

Di dalam mengatasi masalah ini, kerajaan telah mempromosi industri penggantian import yang telah wujud sejak awal 1960an dengan lebih giat lagi. Industri penggantian import ini bukan sahaja berjaya menggalakkan kemasukan lebih banyak FDI ke dalam negara tetapi juga menukar ekonomi dari pengantungan kepada sektor pertanian kepada sektor pembuatan.

Selain daripada itu, kerajaan cuba menarik lebih banyak kemasukan FDI dengan mengadakan Akta Galakan Pelaburan 1968³ untuk menyediakan galakan kepada projek tertaraf perintis temasuklah member cukai percutian, cukai kredit pelaburan, elaun pelaburan semula, elaun eksport dan pelbagai lagi. Akta ini telah diperkenalkan apabila terdapatnya peralihan polisi dari penekanan dalam industri penggantian import kepada industri orientasi eksport.

Oleh itu, pada tahun 1970an, aktiviti orientasi eksport dan Akta Galakan Pelaburan merupakan tarikan utama untuk FDI di mana negara Jepun, Singapura dan Amerika Syarikat telah memainkan peranan yang penting dalam kemasukan pelaburan tersebut. Di dalam menekankan orientasi eksport kerajaan juga cuba mempromosi FDI melalui pembentukan Zon Perdagangan Bebas (FTZ). Aktiviti orientasi eksport ini terus mendapat perhatian dalam tahun 1980an dan kebanyakan industri ini didominasi oleh

Akta Galakan Pelaburan 1968 menggalakkan;

1. Perkilangan barang yang diberi keutamaan
2. Penyebaran industri dari bandar-bandar utama
3. Penggunaan sumber tempatan dalam proses pengeluaran barang tempatan

syarikat-syarikat multinasional. Pada tahun 1980 sahaja kemasukan FDI adalah sebanyak RM 730 juta.

Namun pada suku pertama tahun 1980an, kemasukan FDI terjejas akibat krisis ekonomi yang berlaku yang turut menjelaskan keyakinan pelabur. Kemelesetan ekonomi dunia menyebabkan kejatuhan dalam harga komoditi utama dan kejatuhan yang mendadak dalam harga minyak dan seterusnya menjelaskan keadaan ekonomi Malaysia. Imbangan pembayaran mempunyai masalah apabila berlaku defisit yang besar dan berterusan di dalam akaun semasa. Kerajaan pada masa tersebut terpaksa membiayainya dengan pinjaman luar dan pelaburan asing. Walau bagaimanapun, pengaliran masuk pinjaman luar dapat membantu masalah imbangan pembayaran tetapi untuk jangka pendek sahaja dan tidak dapat digunakan untuk jangka masa panjang. Berbanding dengan FDI yang merupakan pelaburan swasta jangka panjang ia adalah lebih berkesan dalam membantu defisit di dalam imbangan pembayaran.

Oleh itu, di dalam mengatasi masalah imbangan pembayaran dan memulihkan semula ekonomi, kerajaan telah menjalankan pelbagai langkah untuk menggalakkan kemasukan semula FDI. Langkah kerajaan menampakkan hasil apabila selepas tahun 1985, FDI kembali memainkan peranan penting dalam membentuk struktur perindustrian di Malaysia. Keadaan ini disumbangkan oleh faktor tarikan dalaman yang meningkatkan kemasukan di FDI termasuklah langkah kerajaan meliberalisasikan FDI dan menawarkan beberapa insentif yang menarik di dalam Akta Penggalakan Pelaburan 1986 yang menggantikan Akta Galakan Pelaburan 1968.

Strategi-strategi yang dilakukan oleh kerajaan pada pertengahan tahun 1980an ini adalah untuk menggalakkan kemasukan pelaburan asing. Kerajaan pada ketika ini turut

mengadakan insentif untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam menggalakkan firma untuk meningkatkan pelaburan di dalam R&D di Malaysia. Salah satu contoh insentif R&D adalah pengecualian cukai selama lima tahun bagi firma baru yang berasaskan teknologi. Selain daripada itu, peruntukan untuk hakmilik asing telah diubahsuai. Pelabur-pelabur asing dibenarkan untuk menjadi pemilik sepenuhnya atau juga boleh memegang ekuiti seratus peratus di dalam sesebuah syarikat.

Strategi-strategi yang dijalankan untuk menarik pelabur-pelabur asing juga adalah serentak dengan faktor penolak luaran seperti berlakunya Plaza Accord yang menyebabkan peningkatan nilai Yen dan nilai matawang asing negara Asia yang lain, peningkatan kos pengeluaran dan pemansuhan Generalised System of Preferences (GSP) daripada ekonomi perindustrian baru (NIEs). Ini seterusnya memberikan hasil yang amat menggalakkan di dalam kemasukan FDI, di mana menurut data Bank Negara Malaysia, kemasukan FDI telah bertambah pada kadar purata tahunan sebanyak 8.2 peratus dari RM3.8 billion pada tahun 1983 kepada RM6.1 billion dalam tahun 1989 dan kemudiannya bertambah sebanyak tiga kali ganda kepada RM19.8 billion dalam tahun 1994 (Jadual 3.2).

Jadual 3. 2: Pelaburan Langsung Asing Mengikut Sektor (RM billion)

	1983	1984	1985	1986	1987	1988	1989	1990	1991	1992	1993	1994
Sektor bukan minyak	2.5	1.9	2.1	1.5	2.2	2.3	4.1	5.5	10.6	13.0	15.1	16.8
Pembuatan	2.5	1.9	2.1	1.4	2.0	2.1	3.9	5.1	9.0	10.8	12.2	14.4
Harta	-	-	-	-	0.1	0.1	0.1	0.3	1.1	1.8	2.6	2.2
Pertanian	-	-	-	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.5	0.4	0.3	0.2
Sektor minyak	1.3	1.5	1.4	1.6	1.6	1.7	12.0	2.5	2.9	2.9	3.2	3.0
Jumlah	3.8	3.4	3.5	3.1	3.8	4.0	6.1	8.0	13.5	15.9	18.3	19.8

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jika dilihat secara keseluruhan, kemasukan FDI di antara tahun 1980 hingga 1995, Malaysia telah menerima FDI dari TNCs berjumlah RM 120 billion (Okposin 1999). Berdasarkan pelaburan yang diluluskan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, FDI pada tahun 1985-1990 adalah sebanyak RM35.9 billion dan pada tempoh 1991-1996, ia meningkat kepada RM78.7 billion. Malaysia mencakup sebanyak 28.8 peratus daripada jumlah pengaliran pelaburan asing ke negara-negara Asean pada tempoh 1991-1996 dan 6.7 peratus daripada negara-negara sedang membangun (MITI 1997). World Investment Report (WIR) 1996, turut mengesahkan Malaysia adalah penerima kemasukan FDI yang terbesar di antara negara-negara Asean pada tahun 1995 iaitu sebanyak US\$5.8 billion atau 29.7 peratus daripada keseluruhan jumlah kemasukan FDI ke Asean (Jadual 3.3).

Jadual 3.3: Negara-negara Penerima FDI yang Utama (peratusan)

Tahun Negara	1990	1991	1992	1993	1994	1995	1996
China	3.5	4.4	11.2	27.5	33.8	35.8	42.3
Mexico	2.5	4.7	4.4	4.4	11.0	7.0	6.4
Malaysia	2.3	4.2	5.2	5.0	4.3	5.8	6.2
Brazil	1.0	1.1	2.1	1.3	3.1	4.9	5.5
Indonesia	1.1	1.5	1.8	2.0	2.1	4.3	5.8
Thailand	2.4	2.0	2.1	1.8	1.4	2.1	2.9
Argentina	1.8	2.4	2.6	3.5	0.6	1.3	2.0
Hungary	0.0	1.5	1.5	2.4	1.1	4.5	1.7
Poland	0.1	0.3	0.7	0.8	1.5	1.7	2.2
Chile	0.6	0.5	0.7	0.8	1.5	1.7	2.2

Sumber: World Bank 1997, Global Development Finance

Corak kemasukan FDI berubah sedikit semenjak awal tahun 1990 apabila kemasukan FDI lebih tertumpu kepada industri berteknologi tinggi dan berintensifkan

modal. Ini bersetujuan dengan pelancaran wawasan 2020 dan projek MSC di mana kerajaan ingin menjadikan MSC sebagai satu pusat tarikan untuk FDI dalam usaha untuk mencapai sebuah negara perindustrian sepenuhnya menjelang tahun 2020. Oleh itu, beberapa insentif telah disediakan untuk menarik syarikat-syarikat teknologi maklumat dari luar negara untuk menubuhkan operasi mereka di MSC. Ini termasuk juga memberikan kebenaran yang terpilih dan menyediakan satu pakej insentif istimewa bagi penubuhan projek reka bentuk wafer (BNM 1998).

Pelaburan swasta adalah sensitif dengan ketidaktentuan keadaan ekonomi. Krisis kewangan yang berlaku pada Julai 1997, telah menyebabkan FDI yang diukur dalam bentuk permohonan dalam sektor pengeluaran, permohonan dalam insentif pelabur dalam sektor perhotelan, perlombongan dan pertanian yang dikeluarkan oleh MIDA mengalami kejatuhan dalam tempoh Januari 1997 hingga tahun 1998 (Opsokin 1999). Menurut UNCTAD di dalam World Investment Report 1998 menyatakan bahawa kemasukan FDI ke beberapa negara termasuk Malaysia dijangka menurun terutamanya pelaburan diantara kawasan (intraregional) termasuklah dari Jepun, Taiwan dan Singapura.

Penurunan di dalam pengaliran masuk FDI ini dibuktikan apabila World Investment Report 1999 melaporkan kemasukan FDI di semua negara membangun telah menurun kepada US\$165.9 billion dalam tahun 1998 berbanding sebanyak US\$172.5 billion pada tahun sebelumnya. Malaysia pula hanya mampu menarik sebanyak US\$2.7 billion pada tahun 1998 berbanding \$5.1 billion pada tahun 1997. Manakala dalam tahun 1999 kemasukan FDI ke Malaysia bertambah baik dengan peningkatan sebanyak 31 peratus menjadikan jumlah kemasukan FDI sebanyak US\$3.5 billion.

Dalam usaha menangani masalah krisis kewangan⁴, kerajaan terpaksa memperkenalkan polisi kawalan modal⁵. Namun, usaha tetap dilakukan untuk menarik lebih banyak FDI bagi menggantikan dana modal jangka pendek yang tidak stabil. Ini seterusnya memberi kesan dalam projek pelaburan asing yang diluluskan di mana ia telah telah menunjukkan peningkatan dari RM 11.5 billion pada tahun 1997 kepada RM 13.1 billion pada tahun 1998.

Daripada perkembangan yang berlaku dalam FDI dapat disimpulkan bahawa FDI telah berubah corak keutamaannya dalam sesuatu sektor. Pada awal kemasukan FDI ia lebih tertumpu kepada sektor pertanian. Apabila kerajaan menggalakkan perindustrian awal tahun 1970, FDI kemudian menjadi enjin penggerak utama untuk sektor pembuatan. Manakala pada tahun 1990an kemasukan FDI lebih tertumpu untuk industri berteknologi tinggi bersesuaian dengan pelancaran MSC dan Wawasan 2020.

3.3 Profil Negara-negara Penyumbang Utama FDI

Kemasukan FDI yang bermula semenjak tahun 1920 telah menunjukkan beberapa buah negara menjadi pendominasi utama pelaburan asing di Malaysia. Sesuai dengan perkembangan masa dan keperluan serta pelbagai faktor penentu pelaburan yang lain, negara-negara pendominasi ini turut bertukar. Pada sebelum dan awal kemerdekaan negara British menjadi penyumbang utama kepada pelaburan di Malaysia sehingga tahun 1965 di mana negara-negara seperti Jepun, Singapura dan Amerika Syarikat mula mencari pelaburan di Malaysia.

⁴ Krisis kewangan berlaku pada Julai 1997

⁵ Polisi kawalan modal terpilih dipekenalkan pada 1 September 1998

Pada tahun 1970, negara Jepun telah menjadi penyumbang utama FDI di Malaysia sehingga pada tahun 1980, statistik MIDA menunjukkan Singapura merupakan pelabur terbesar. Tidak dapat dinafikan faktor geografi dan hubungan sejarah adalah merupakan diantara faktor-faktor yang terus menjadikan Singapura sebagai salah satu pelabur utama negara sehingga kini.

Walau bagaimanapun, pada pertengahan 1980an, peningkatan mendadak dalam nilai Yen Jepun dan Deustchmark serta peningkatan di dalam kos pengeluaran di negara Jepun, Amerika Syarikat dan Eropah menjadi faktor penolak untuk negara-negara ini mencari lokasi baru untuk industri mereka. Negara seperti Malaysia, Thailand dan Indonesia yang mempunyai kos buruh relatif yang murah dan kemudahan asas yang mencukupi menjadi pilihan para pelabur tersebut. Pada masa yang sama, Malaysia juga mempunyai faktor penarik seperti insentif yang ditawarkan di dalam Akta Penggalakan Pelaburan 1986. Oleh itu, wujud hubungan simbiotik di antara pelabur asing dan kerajaan Malaysia. Ini seterusnya meningkatkan pelaburan negara-negara seperti Jepun, Singapura dan Amerika Syarikat di Malaysia

Namun, penguasaan Jepun dalam menjadi penyumbang utama FDI sektor telah diambilalih oleh Taiwan pada tahun 1990 (Jadual 3.4). Pelaburan Taiwan adalah sebanyak 2.35 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan berbanding dengan Jepun yang hanya berjumlah 1.78 peratus. Walau bagaimanapun kedudukan, Taiwan tidak kekal lama apabila pada tahun 1992, negara United Kingdom menjadi pelabur terbesar di Malaysia.

Dalam tahun 1991 sehingga tahun 1997, pengaliran masuk FDI adalah dari lima buah negara penyumbang utama iaitu Jepun, Amerika Syarikat, Taiwan, Singapura dan

Korea. Pelaburan kelima-lima negara ini berjumlah RM 60.8 bilion ataupun 67.4 peratus daripada keseluruhan pelaburan asing yang diluluskan (Okposin 1999). Negara-negara ini kebanyakannya melabur di dalam sektor pembuatan. Walau bagaimanapun, Amerika Syarikat dan juga Belanda adalah sumber utama FDI di dalam sektor minyak.

Selepas berlakunya krisis kewangan penyumbang utama FDI berubah sekali lagi apabila Amerika Syarikat menjadi pelabur terbesar dengan pelaburan RM 6.4 billion atau 49.2 peratus daripada jumlah keseluruhan FDI. Negara Jepun menduduki tempat kedua RM1.09 billion atau 14.5 peratus, Taiwan RM 1.0 billion atau 7.7 peratus dan Singapura RM962 juta atau 7.4 peratus daripada jumlah keseluruhan.


Jadual 3.4: Pengaliran Kemasukan FDI ke Malaysia Mengikut Negara (%)

	1983	1984	1985	1986	1987	1988	1989	1990	1991	1992	1993	1994
Jumlah kasar	3.8	3.4	3.5	3.1	3.5	4.0	6.1	8.0	13.5	15.9	18.3	19.8
Sektor bukan minyak	2.5	1.9	2.1	1.5	2.2	2.3	4.1	5.5	10.6	13.0	15.1	16.8
Sektor pembuatan	2.5	1.9	2.1	1.4	2.0	2.1	3.9	5.0	9.0	10.8	12.2	14.4
Taiwan	-	0.01	0.01	-	0.12	0.38	1.01	2.35	1.60	0.58	0.34	1.02
Jepun	0.04	0.07	0.08	0.06	0.23	0.56	1.07	1.78	1.45	0.78	0.70	0.70
Singapura	0.03	0.04	0.05	0.09	0.14	0.17	0.27	1.32	0.40	0.20	0.19	0.36
USA	0.02	0.02	0.04	0.02	0.06	0.25	0.13	0.19	0.45	0.57	0.55	0.56
UK	0.07	-	-	0.02	0.02	0.09	0.26	0.32	0.19	1.03	0.01	0.05
Hong Kong	0.05	-	0.02	0.03	0.03	0.13	0.11	0.14	0.31	-	0.01	0.03
Lain-lain Negara	2.29	1.76	1.90	1.18	1.20	0.72	1.25	0.40	6.20	9.84	13.25	13.8
Sektor minyak	1.3	1.5	1.4	1.7	1.7	1.7	2.0	2.5	2.9	2.9	3.2	3.0
Belanda	-	-	0.7	0.9	0.7	0.4	0.7	0.8	1.0	1.2	1.5	1.1
USA	-	-	0.6	0.7	0.7	1.1	1.0	1.1	1.5	1.4	1.3	1.4
Jepun	-	-	-	-	0.1	0.1	0.1	0.2	0.1	0.1	0.1	0.1
Lain-lain Negara	0.1	0.1	-	-	0.2	0.1	0.2	0.4	0.3	0.2	0.3	0.4

Sumber: Bank Negara Malaysia

Menurut WIR 2000, Amerika Syarikat juga menguasai pengaliran masuk FDI ke Malaysia pada tahun 1999 iaitu sebanyak RM 3.3 billion. (Rajah 1). Faktor utama

Amerika Syarikat menjadi penyumbang terbesar FDI selepas krisis ekonomi adalah kerana kejatuhan nilai Ringgit yang menjunam menjadikan kos melakukan pelaburan di Malaysia adalah relatif lebih murah. Manakala Jepun pada tahun ini tidak menduduki lima tangga teratas penyumbang utama FDI. Ini mungkin disebabkan Jepun telah merasai kesan kejatuhan nilai Yen berbanding dollar Amerika sebanyak 35 peratus pada tahun 1997.



Sumber: Diubahsuai dari World Investment Report, 2000

3.4 Taburan FDI Mengikut Sektor

Kepentingan FDI kepada ekonomi Malaysia pada awalnya hanya tertumpu kepada sektor pertanian dan perlombongan. Menurut Edwards (1994), kajian menganggarkan hampir 70 peratus daripada kemasukan FDI adalah dalam sektor pertanian pada masa Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua⁶. Apabila kerajaan menggalakkan perindustrian dengan mengadakan pelbagai insentif, kemasukan FDI mula

⁶ Selepas tahun 1970an , kesan lelehan terhadap sektor pertanian terlalu kecil kerana kegiatan eksport perindustrian tidak berkait rapat dengan sektor pertanian.

tertumpu kepada sektor pembuatan. Menurut Bank Negara Malaysia sektor pembuatan mengambil 66 peratus daripada jumlah kemasukan FDI pada tahun 1983 dan ia meningkat kepada 84.8 peratus pada tahun 1994. Walau bagaimanpun, sektor-sektor lain seperti sektor harta, perkhidmatan, pertanian dan sektor minyak masih memainkan peranan dalam kemasukan FDI walaupun peratusannya jauh lebih rendah daripada kepentingan sektor pembuatan.

Jika dilihat dari segi industri dalam sektor pembuatan, industri elektrik dan elektronik menjadi tumpuan utama semenjak lebih daripada dua dekad yang lalu. Pelaburan di dalam industri ini biasanya dilakukan oleh negara seperti Jepun, Singapura, Taiwan, Korea dan Amerika Syarikat. Pada tahun 1984, industri elektrik dan elektronik telah menerima kemasukan FDI sebanyak RM 136 865 dan ia meningkat kepada RM 9 239 527 430 pada tahun 1996 (Jadual 3.5).

Manakala pada tahun 1997, industri barangang petroleum telah mengambil alih tempat sebagai penerima kemasukan FDI yang utama. Menurut Opsokin (1999) enam industri telah menerima permohonan untuk pelaburan asing terbanyak yang berjumlah RM 1 1634 juta ataupun 82.9 peratus daripada keseluruhan pelaburan asing di dalam sektor pembuatan. Keenam-enam industri tersebut adalah;

- Barangang petroleum (RM4 765 juta)
- Elektrik dan elektronik (RM2 998 juta)
- Barangang logam asas (RM 1 5913 juta)
- Barangang logam fabrik (RM893.5 juta)
- Barangang kimia (RM629.4 juta)
- Pengeluaran makanan (RM445.1 juta)

Jadual 3.5 : FDI Yang Diluluskan Mengikut Industri 1980-1998 ('000)

Industri	Tahun	1984	1986	1988	1990	1992	1994	1996	1998
Pengeharuan makanan	48 251	293 789	571 094	325 689	215 068	202 305	127 986	359 870	
Tembakau & minuman	4 545	2 300	7 070	37 695	28 828	2 228	143 594		
Brgn tekstil	49 849	31 419	238 789	874 247	1 158	1 218 372	344 062	624 100	
Brgn kulit	6 211		400	30 501	3 800	1 699	7 738		
Kayu kayan	5 488	12 634	198 792	542 749	276 585	916 925	172 195	260 154	
Perabot & Kelengkapan	18 136	1 120	72 315	127 600	44 050	43 315	43 732	89 433	
Penerbitan & percetakan	50 971	12 344	34 234	373 636	32 214	84 951	1 571 852	286 724	
Bahan kimia	5 262	42 015	763 473	1 727 295	1 321 172	1 123 982	2 101 231	4 149 892	
Brgn petroleum	-	876 250	-	2 703 080	10 006 000	235 000	627 829	2 151 520	
Gas asli	0	0	0	0	1 722	0	0	32 910	
Brgn getah	22 868	71 121	662 690	54 272	49 219	60 262	56 543	48 702	
Brgn plastik	16 407	92 265	272 260	426 571	216 393	352 052	144 666	297 026	
Brgn mineral bukan metalik	76 653	26 322	73 387	180 148	334 268	805 408	649 452	464 675	
Brgn logam asas	48 121	25 295	612 661	4 538 737	775 441	392 052	612 165	992 341	
Brgn logam fabrik	65 220	19 571	147 393	304 907	101 660	246 229	577 890	569 533	
Pengeharuan mesin	10899	21 450	12 205	1 167 185	383 706	257 113	337 066	152 326	
Elektrik & elektronik	136 865	97 173	1 151 888	3 773 185	957 406	4 825 417	9 239 527	1 901 186	
Kelengkapan pengangkutan	141 199	53 689	22 389	279 490	78 241	248 707	332 793	503 129	
Kelembagaan saintifik	5 732			78 900	1 905	36 070	41 100	22 060	
Lain-lain	11 146	9 113	23 058	11 797	70 029	51 388	68 755	25 426	
Jumlah	718 058	1 687 877	4 878 010	17 629 126	17 055 347	11 339 088	17 056 464	13 082 763	

Perubahan corak di dalam pelaburan asing di antara industri di dalam sektor pembuatan ini mungkin disebabkan oleh kejatuhan pelaburan dari negara Jepun dan beberapa negara Asia yang lain. Negara-negara ini yang merupakan pendoron industri elektrik dan elektronik menerima kesan daripada kegawatan ekonomi. Di samping itu, ia juga menunjukkan bahawa terdapatnya faedah berbanding di dalam menarik FDI pada tahun tersebut. Industri barang petroleum terus menjadi tarikan utama FDI pada tahun 1998.

Menurut WIR 2000 pula, pada tahun 1999 perubahan dalam keutamaan industri telah berubah apabila pelaburan modal lebih banyak ditumpukan kepada industri gas asli, elektrik dan elektronik, barang petroleum dan tekstil.

3.5 Kebaikan dan Keburukan Kemasukan Pelaburan Langsung Asing ke Malaysia

Kemasukan FDI banyak memberi kesan kepada ekonomi negara. Kesan tersebut mungkin bersifat positif yang banyak memberi kebaikan dan kelebihan kepada ekonomi negara atau mungkin juga bersifat negatif yang boleh memberi banyak keburukan dan kekurangan. Diantara kebaikan kemasukan FDI ke Malaysia adalah;

3.5.1. Kebaikan

3.5.1.1 Kemasukan modal

Pengaliran masuk FDI turut membawa bersama kemasukan modal asing lebih banyak. FDI telah berjaya membawa masuk modal asing terutamanya dari Taiwan, Singapura, Korea Selatan selepas tahun 1987. Kemasukan yang pesat ini kerana syarat pelaburan telah dilonggarkan pada tahun 1986. Peningkatan modal asing yang mengalir

ke Malaysia agak ketara daripada RM 959 juta pada tahun 1985 kepada RM17 600 juta pada tahun 1990. Pertambahan modal ini dapat dilihat melalui jadual 3.6 yang menunjukkan modal yang telah diluluskan oleh Kemajuan Perindustrian Malaysia.

Modal asing yang dibawa masuk oleh FDI juga banyak meninggalkan kesan yang positif kepada negara terutamanya kepada akaun modal yang mengambil faedah daripada keuntungan dan dividen pelaburan asing tersebut. Di samping itu, modal asing ini dianggap sebagai pendorong utama terhadap pertumbuhan ekonomi yang tinggi. Ini telah dibuktikan oleh pengalaman negara Singapura yang dibantu oleh modal asing terutamanya dari Amerika Syarikat untuk memangkin pertumbuhan ekonomi negara tersebut (The Economist 1993).

Jadual 3.6: Pelaburan Asing yang Diluluskan Mengikut Negara (RM juta)

Negara	1985	1990	1995	1996	1997	1998	1999
Amerika Syarikat	111.9	567.3	1801.6	2893.2	2396.9	6443.3	5158.9
Australia	25.7	54.3	139.5	136.4	90.5	116.6	52.5
Filipina	0.6	40.6	11.5	4.9	-	1.5	-
Hong Kong	28.2	375.0	175.2	13.8	23.1	22.4	62.9
Indonesia	12.8	1083.3	88.0	47.0	100.0	55.3	31.6
Jepun	264.4	4212.6	2096.3	4607.3	2164.2	1867.9	1006.1
Jerman	8.0	126.9	149.5	148.2	1810.7	151.8	187.2
Korea Selatan	25.0	650.4	604.4	644.3	677.8	76.0	35.3
Singapura	100.2	895.3	1008.6	4765.5	1281.4	968.1	902.4
Taiwan	31.9	6339.1	1442.2	757.7	1345.1	1000.8	267.0
United Kingdom	26.9	867.2	189.9	380.6	206.7	479.4	192.4
Lain-lain	323.4	2417.0	3384.1	12632.0	8371.2	9735.3	8122.3
Jumlah	959.0	8653.0	9143.6	17056.5	11472.9	13063.5	12273.9

Sumber: MIDA

3.5.1.2. Peningkatan Rizab Pertukaran Wang Asing

Kemasukan FDI turut memberi sumbangan kepada peningkatan di dalam rizab pertukaran wang asing. Keadaan ini dapat dilihat dengan pertambahan rizab pertukaran wang asing selaras dengan peningkatan FDI (Jadual 3.7). Pada tahun 1970, rizab pertukaran wang asing hanya berjumlah US\$ 542 dan ia telah meningkat ke US\$ 9 372. Seperti mana kejatuhan di dalam kemasukan FDI pada tahun 1997 rizab pertukaran wang asing turut jatuh daripada US\$ 26 156 pada tahun 1996 kepada US\$ 20 013 pada tahun 1997.

Jadual 3.7: Rizab Pertukaran Wang Asing (US\$)

Tahun	Rizab Pertukaran Wang asing
1970	542
1975	1321
1980	4114
1985	4621
1986	5697
1987	7055
1988	6134
1989	7393
1990	9327
1991	10421
1992	16784
1993	26814
1994	24888
1995	22945
1996	26156
1997	20013
1998	24728
1999	29670

Sumber: International Financial Statistics Yearbook

3.5.1.3 Pemindahan Teknologi

FDI telah memberi Malaysia faedah di dalam kemasukan modal tetapi juga turut menyumbangkan kepada pemindahan teknologi. Walaupun terdapat beberapa saluran lain di dalam pemindahan teknologi, namun kemasukan teknologi melalui FDI juga merupakan salah satu saluran yang amat berkesan. Kemasukan teknologi memainkan peranan yang penting di dalam ekonomi Malaysia kerana ia dapat meningkatkan potensi faktor dengan lebih produktif seperti faktor-faktor pengeluaran contohnya buruh dan modal serta organisasi dan kawalan kualiti. Di samping itu, kemasukan teknologi ini selaras dengan salah satu objektif kerajaan menggalakkan kemasukan FDI adalah dengan harapan dapat memperolehi lebih banyak pemindahan teknologi dari negara-negara maju kerana menjadi salah satu komponen di dalam pertumbuhan ekonomi. Ini menyebabkan kerajaan mengambil langkah menghapuskan kawalan ke atas kemasukan teknologi juga adalah untuk memastikan pengaliran tersebut terus memberi faedah kepada ekonomi Malaysia.

Di dalam membincangkan tentang pemindahan teknologi beberapa kajian tentang pemindahan teknologi telah dilakukan oleh Sekiguchi 1983, Nathabol dan lain-lain(1986) dan Osman Rani dan lain-lain (1989) dan Chng (1986). Chng (1986) menyenaraikan 3 komponen teknologi yang boleh dipindahkan.

- i. asset fizikal seperti loji, mesin dan kelengkapan
- ii. maklumat, samada teknikal atau komersial yang berkaitan dengan proses bantuan teknik, pilihan teknologi, rekabentuk kejuruteraan dan pembentukan loji, organisasi dan cara peroperasian, kawalan kualiti dan ciri-ciri pasaran.

- iii. Kepakaran terutamanya yang berkaitan dengan pekerjaan professional dan kejuruteraan.

Menurut Ng (1987), langkah pertama di dalam pemindahan teknologi ke beberapa negara ASEAN adalah kebanyakannya adalah pemindahan fizikal seperti mesin dan kelengkapan. Bagi langkah yang seterusnya adalah lebih penting adalah dari segi pemindahan maklumat dan kemahiran dalam menggunakan teknologi tersebut.

Jika dilihat dari pemindahan teknologi di Malaysia, bilangan kontrak perjanjian rasmi yang semakin meningkat setiap tahun (Jadual 3.8). Hampir 50 peratus daripada perjanjian yang diluluskan semenjak tahun 1975 adalah dalam bentuk bantuan teknikal. Bilangan tersebut semakin meningkat setiap tahun sehingga tahun 1995 ia telah menunjukkan pengurangan walaupun masih menjadi penyumbang kemasukan teknologi yang penting di mana ia hanya berjumlah sebanyak 36.

Jadual 3.8: Kemasukan Teknologi Mengikut Jenis Perjanjian (bilangan)

Jenis Perjanjian	1970-1978	1979-1987	1989-1990	1991	1992	1993	1994	1995
Usahasama	45	130	30	11	7	7	3	3
Bantuan Teknik	-	11	25	93	80	85	55	36
Perlesenan & Paten	10	95	52	28	14	44	32	20
Kepakaran	59	105	17	10	21	23	11	4
Cap dagangan	-	21	11	9	12	14	4	2
Pengurusan	55	35	18	6	2	2	1	1
Turnkey & kejuruteraan	28	2	8	1	0	1	6	1
Perkhidmatan	245	9	37	4	4	9	5	5
Penjualan, Pemasaran/Pengedaran	-	503	136	0	0	0	0	1
Pembekal& pembelian	-	25	1	0	0	0	0	0
Lain-lain	-	85	18	3	0	0	11	60
Jumlah	442	1031	353	165	140	185	128	79

Sumber: Rancangan Malaysia Ketujuh, MITI dan MIDA. Data 1970-1989 dipetik daripada Mohamad Ariff (1991)

Manakala sektor yang banyak menerima pemindahan teknologi melalui FDI adalah sektor perindustrian industri elektrik dan elektronik masih menjadi industri utama

yang banyak menerima pemindahan teknologi (jadual 3.9). Pada tahun 1990 sahaja, 27 peratus (41 perjanjian) daripada pemindahan teknologi ke Malaysia adalah dalam industri elektrik dan elektronik. Pada tahun 1993 bilangan pemindahan teknologi turut meningkat kepada 69 perjanjian.

Jadual 3.9: Kemasukan Teknologi Mengikut Kumpulan Industri 1990-1995

Kumpulan industri	1990	1991	1992	1993	1994	1995
Keluaran elektrik & elektronik	41	45	38	69	44	25
Kimia & keluaran kimia	24	21	19	20	12	17
Kelengkapan pengangkutan	18	16	28	25	21	9
Keluaran logam dibentuk	4	13	6	11	4	4
Pembuatan makanan	4	6	2	11	2	2
Getah & keluaran getah	8	10	8	5	4	3
Keluaran galian bukan logam	7	7	12	5	8	1
Keluaran logam asas	4	7	2	5	4	0
Tekstil & pakaian	7	6	7	3	1	1
Hotel & kompleks pelancong	3	8	1	5	0	0
Palstik & keluaran plastik	5	6	6	11	3	6
Kayu & keluaran buatan kayu	6	5	4	1	0	1
Kertas & keluaran kertas	4	4	3	2	1	4
Percetakan & penerbitan						
Pengeluaran jentera	6	6	5	2	2	4
Minuman & tembakau	10	3	1	4	2	1
Petroleum & arang batu	0	0	1	1	19	1
Kulit & barang kulit	1	0	1	1	0	0
Pelbagai	3	2	1	0	1	0
Jumlah	155	165	140	185	128	79

Sumber: Rancangan Malaysia Ketujuh

Jepun pula merupakan negara yang menghasilkan perjanjian tertinggi dalam pemindahan teknologi. Manakala negara lain yang turut menyumbangkan pemindahan teknologi adalah negara Britain dan Amerika Syarikat.

Kebanyakan syarikat asing mendapat teknologi pengeluaran daripada syarikat induk. Selain daripada itu, sokongan kewangan secara besar-besaran daripada syarikat induk memungkinkan syarikat transnasional mendapat alat jentera dengan kos yang lebih

rendah. Syarikat asing yang menggunakan teknologi moden berupaya mengeluarkan output yang lebih berkualiti pada kos seunit yang lebih rendah.

Sumbangan pemindahan teknologi memberi faedah jangka panjang kepada pembangunan perindustrian tempatan yang masih terhad. Pemindahan teknologi amat penting dalam usaha meninggikan tingkat perindustrian khasnya dan tingkat ekonomi amnya. Ini disebabkan pemindahan teknologi dapat mewujudkan kesan positif terhadap industri tempatan melalui kepakaran dan kemahiran yang diserap oleh buruh tempatan (Anuwar 1992). Limpahan kesan ini seterusnya akan mendorong pertumbuhan dalam sektor lain dalam ekonomi berkenaan.

3.5.1.4 Mengurangkan Pengangguran

Peluang pekerjaan mungkin adalah faedah yang paling utama yang diperolehi daripada kemasukan FDI. Banyak peluang-peluang pekerjaan yang didapati di Malaysia telah disumbangkan oleh kemasukan FDI ke Malaysia. Selain daripada, peluang pekerjaan secara langsung yang dihasilkan, terdapat juga peluang pekerjaan secara tidak langsung terutamanya dari industri sokongan.

Pada tahun 1970an dalam suasana keperluan menyediakan peluang pekerjaan, dasar yang dimajukan berasaskan penggunaan buruh yang murah (Ozay 1990). Oleh itu, kedatangan FDI ke Malaysia sebahagiannya adalah disebabkan oleh faktor buruh yang murah yang menjadi daya tarikan untuk industri berintensif buruh telah banyak memberi peluang pekerjaan dan seterusnya mengurangkan pengangguran. Selain daripada itu, ia turut sama meningkatkan penyertaan buruh dari luar bandar yang sering dikaitkan dengan

Jadual 3.10 : Malaysia: Potensi Pekerjaan Melalui Pelaburan Asing Mengikut Industri

I Industri	Tahun	1984	1986	1988	1990	1992	1994	1996	1998
Pengeluaran makanan & minuman	797	4696	9746	1746	2087	1781	1653	2284	
Tembakau &	182	90	604	53	138	603	-		803
Brgn tekstil	7087	2471	9623	14631	14714	4129	2031	3206	
Brgn kulit	-	-	185	1974	224	94	159	133	
Kayu kayan	747	1131	7698	10972	8508	13316	3420	7715	
Perabot & Kelengkapan	609	160	4597	4149	1883	1670	947	1833	
Penerbitan & percetakan	1542	339	1290	3402	1300	1068	1749	1821	
Bhn kimia	703	1031	2362	3198	2135	1609	915	2111	
Brgn petroleum	85	273	-	1119	1915	240	1749	1167	
Gas asli	-	-	-	-	570	-	1132	1753	
Brgn getah	781	1195	26637	2139	2655	2408	3006	1828	
Brgn plastik	692	557	2086	3649	2851	3962	2013	1734	
Brgn mineral bukan metalik	3065	825	3145	4320	2064	2962	1970	2095	
Brgn logam asas	1242	438	1158	7910	4361	1255	3595	2542	
Brgn logam fabrik	2994	1163	2664	3686	2100	4127	3920	1527	
Pengeluaran mesin	721	893	401	10330	4818	3571	34008	21411	
Elektrik & elektronik	8350	8447	27445	62454	27100	58372	2758	2626	
Kelengkapan pengangkutan	4334	3021	1404	2948	1776	2936	1305	180	
Kelengkapan saintifik	14	405	231	1556	86	2624	834	756	
Lain-lain	718	690	2125	3960	2310	1849	-	0	
Jumlah	34663	27827	103401	144196	83595	108576	68951	57345	

Sumber: MIDA

Keadaan ini seterusnya menunjukkan bahawa peningkatan dalam kemasukan pelaburan asing ke dalam industri ini akan membantu perkembangan dalam peluang pekerjaan.

3.5.1.5. Eksport

Perhubungan di antara FDI dan eksport telah bermula sejak zaman kolonial British di mana mereka melabur di dalam industri bijih timah dan getah dengan tujuan untuk mengeksport produk tersebut ke Britain untuk keperluan industri di sana. Melalui perubahan masa, FDI masih memberi sumbangan yang besar kepada eksport Malaysia. Malah FDI telah masuk ke Malaysia dari pelbagai negara dan membolehkan Malaysia menggunakan skil pengeluaran yang lebih besar serta mempelbagaikan lebih banyak eksport.

Malaysia sentiasa dikatakan sebagai contoh FDI membawa kepada eksport (FDI led export) di mana ia menjadi model dan ikutan kepada negara membangun yang lain (Rowthorn 1996). Menurut Rowthorn lagi dalam keadaan ini, Malaysia telah melalui 3 aspek yang berkaitan dengan kenyataan di atas;

- i. eksport produk utama pada masa awal fasa pembangunan ekonomi.
- ii. Perkembangan yang menakjubkan di dalam eksport barang pembuatan ke negara-negara maju di utara pada fasa pertumbuhan yang berikutnya.
- iii. Pergantungan yang kuat kepada kemasukan pelaburan firma-firma transnasional sepanjang proses ini.

Pergantungan kerajaan kepada FDI untuk meningkatkan eksport dapat dilihat apabila kerajaan menyedari pasaran tempatan adalah terhad dan mengalihkan pendekatannya kepada orientasi eksport menggantikan industri penggantian import. Ini

semakin jelas berlaku semenjak awal tahun 1970an. Oleh sebab keupayaan modal tempatan masih terbatas, maka penglibatan modal asing diberikan peranan yang penting, bukan sahaja daripada penyertaan ekuiti, pengurusan dan teknologi tetapi juga dari segi peningkatan usaha eksport. Kerajaan percaya melalui FDI merupakan salah satu cara kemasukan syarikat transnasional yang mempunyai lebih banyak pengalaman untuk melibatkan diri dalam eksport.

Eksport telah memberi sumbangan kepada keluaran negara kasar dan seterusnya pertumbuhan ekonomi negara. Pada tahun 1960 nisbah eksport kepada Keluaran Negara Kasar adalah 46 peratus, tetapi ia telah meningkat kepada 82 peratus pada tahun 1996 (Mahani 1998) yang menunjukkan pertumbuhan di dalam Keluaran Negara Kasar. Pertumbuhan ini banyak disumbangkan oleh sektor perkilangan yang mana kebanyakannya menggunakan pelaburan asing.

Berdasarkan Jadual 3.11, sumbangan pelaburan dari syarikat asing kepada jumlah eksport kasar pada tahun 1975 hingga 1984 mencatatkan antara 30 hingga 60 peratus. Manakala pada tahun 1985 hingga 1990 sumbangan pelaburan dari syarikat asing telah meningkat daripada 27 peratus pada tahun 1985 kepada 48 peratus pada tahun 1990. Dari segi mutlaknya sumbangan syarikat asing adalah sebanyak RM 7 508 juta daripada keseluruhan eksport bernilai RM 27 657 juta. Pada tahun 1990, eksport kasar ini telah meningkat kepada RM 288 897 juta.

Jadual 3.11: Sumbangan Eksport Kasar daripada Pelaburan Syarikat Asing dan Syarikat Tempatan 1975-1990 (RM juta)

Tahun	Syarikat tempatan	Syarikat Asing	Jumlah	Peratus syarikat asing
1975	3227	2698	5925	46
1976	6372	4029	10401	38
1977	7814	3625	11439	32
1978	8987	4102	13089	31
1979	11589	5030	16619	30
1980	13364	5903	19567	32
1981	12624	6135	18759	33
1982	13148	6833	19981	34
1983	15865	7470	23335	32
1984	19251	9338	28589	33
1985	20149	7508	27657	27
1986	17969	9301	27270	34
1987	19877	12486	32363	39
1988	23777	17044	40821	42
1989	26019	22767	48786	47
1990	31461	28897	60358	48

Sumber: Malaysia, Laporan Penyiasatan Kewangan Syarikat-syarikat Berhad di Malaysia, 1975-1990

3.5.1.6 Latihan dan Pembangunan Kemahiran Tenaga Buruh

Pelaburan dalam sumber manusia merupakan salah satu daripada sumbangan FDI kepada Malaysia. Ini terutamanya dalam sektor perkilangan di mana kebanyakan syarikat-syarikat asing ini yang membuka loji di Malaysia akan menghantar sebahagian daripada pekerjanya ke syarikat induk untuk latihan sambil bekerja. Oleh itu, latihan ini dapat membantu dalam meningkatkan kemahiran pekerja dalam mengeluarkan produk-produk yang sofistikated.

Menurut Yew (1988) yang membuat kajian tinjauan kualitatif ke atas syarikat-syarikat antarabangsa di Malaysia pada tahun 1987, mendapati bahawa beberapa syarikat yang di bawah kajian beliau menghantar pekerjanya menjalani latihan sambil bekerja sekurang-kurangnya sekali dalam seminggu. Latihan tersebut didapati adalah penting di dalam industri yang mempunyai teknologi yang canggih, industri yang memerlukan

kecekapan yang tinggi seperti industri elektrik dan elektronik serta industri yang menggunakan sepenuhnya konsep pengurusan pengeluaran seperti ‘quality control circle’ dan konsep ‘Just in Time’.

Manakala Kanabe (1991) yang membuat kajian di dalam ‘Masalah dan Perspektif Pengurusan Syarikat Jepun di Malaysia’ telah mengklasifikasikan 7 jenis kemahiran pengurusan;

- i. buruh
- ii. pengeluaran
- iii. inventori
- iv. pembelian
- v. pemasaran
- vi. kewangan
- vii. am

Daripada 7 jenis kemahiran ini, beliau mendapati 3 kemahiran yang teratas telah dipindahkan kepada pekerja tempatan di Malaysia. Manakala bagi aspek kemahiran pemasaran dan kewangan agak lambat dipindahkan kepada pekerja tempatan memandangkan kebanyakan bahagian ini dikawal oleh ibu pejabat syarikat di Jepun atau cawangannya di Singapura mahupun Hong Kong.

Walaupun kajian itu menunjukkan hanya 3 kemahiran yang utama dipindahkan kepada pekerja tempatan, namun kemasukan FDI yang telah membawa masuk sedikit sebanyak pemasaran dan pentadbiran perniagaan dapat memberi manfaat kepada negara dari segi eksport, jualan dan promosi di luar negara.

3.5.2 Keburukan

Di dalam membincangkan kebaikan kemasukan FDI ke Malaysia masih terdapat kesan negatif atau keburukan daripada kemasukan pelaburan asing tersebut. Diantaranya ialah;

3.5.2.1. Komponen Import yang Tinggi.

Peranan modal asing juga mempengaruhi struktur import, terutamanya import alat modal dan bahan perantaraan. Menurut laporan Penyiasatan Kewangan Syarikat-syarikat Berhad di Malaysia, pada kebanyakan tahun, import syarikat asing melebihi 50 peratus daripada jumlah import semua syarikat berhad di Malaysia. Jadual 3.12 menunjukkan sepanjang tempoh 1975-1985 (kecuali pada tahun 1984), jumlah import asing telah melebihi nilai eksportnya, menjadikan eksport bersih syarikat asing pada tempoh itu adalah negatif. Manakala pada tahun 1981, defisit paling teruk berlaku iaitu sebanyak RM2 472 juta.

Menurut Jomo (1994) dua pertiga daripada bil import pada tahun 1992 mengandungi input bagi barang pertengahan sektor perkilangan di mana ia berjumlah RM32.5 billion, berbanding dengan keluaran negara kasar bagi sektor perindustrian yang hanya berjumlah RM26.9 juta.

Nilai import yang tinggi telah meninggalkan kesan yang buruk terhadap imbalan pembayaran negara. Keadaan ini seterusnya menjelaskan keadaan ekonomi keseluruhannya.

Jadual 3.12: Sumbangan Eksport Bersih Syarikat Asing

Tahun	Eksport kasar	Import	Eksport bersih
1975	2698	3403	-705
1976	4029	4188	-159
1977	3625	4400	-775
1978	4102	5144	-1042
1979	5030	5846	-844
1980	5903	8062	-1844
1981	6135	8539	-2472
1982	6833	8489	-1705
1983	7470	8778	-1308
1984	9338	8571	767
1985	7508	8971	-1432
1986	9301	7844	1404
1987	12486	10017	2536
1988	17044	12571	4473
1989	22767	16004	6763
1990	28897	20405	8492

Sumber: diubahsuai dari Laporan Penyiasatan Kewangan Syarikat-syarikat Berhad di Malaysia

3.5.2.2. Aktiviti Pemasangan dan Pengujian

Bagi industri elektrik dan elektronik yang menjadi sumber utama kemasukan FDI mempunyai pergantungan yang kuat terhadap komponen pengeluaran iaitu kira-kira 80 hingga 85 peratus daripada keseluruhan jumlah output. Manakala di dalam sektor ini sendiri, pemasangan semi konduktor dan aktiviti pengujian mendominasi dengan menyumbangkan 80 hingga 85 peratus daripada keseluruhan output. Ini menjadikan Malaysia negara ketiga terpenting di dalam pengeluaran semikoduktor selepas negara Jepun dan Amerika Syarikat (Goldstein 1989).

Walau bagaimanapun, bagi barang elektronik pengguna dan industri yang biasanya berjumlah 55 hingga 70 peratus dari jumlah keseluruhan output di negara-negara industri baru dan negara maju yang lain, hanya menyumbangkan 15 hingga 20 peratus sahaja di Malaysia. Keadaan ini menyebabkan industri elektronik di Malaysia

mempunyai nilai ditambah yang rendah dan tidak dapat dimajukan sepenuhnya kerana komponen perkilangan ini hanya terhad kepada pemasangan yang ringkas dan aktiviti pengujian yang banyak berasaskan kepada bahan-bahan yang diimport. Ini seterusnya tidak memberi sumbangan yang banyak kepada kemasukan teknologi dan rantaiannya dalam industri.

3.5.2.3 Kemasukan Teknologi Yang Rendah

Kerajaan memberi galakan kepada kemasukan FDI kerana berharap kemasukan modal asing ini akan disusuli dengan pengaliran teknologi. Namun keadaan sebaliknya berlaku apabila kadar penyerapan teknologi yang dibawa oleh pelabur asing adalah terhad dan rendah kerana kekurangan tenaga pakar tempatan yang mahir dan tingkat teknologi yang tinggi.

Penubuhan Zon Perdagangan Bebas tidak dapat dinafikan dapat mengembangkan eksport dan peluang pekerjaan namun beberapa kajian menunjukkan sedikit sahaja pemindahan teknologi dan perkembangan kemahiran yang ditubuhkan di kawasan tersebut (Anuwar 1992). Keadaan ini berlaku kerana kebanyakan syarikat yang beroperasi di Malaysia tidak menganggap pemindahan teknologi sebagai salah satu matlamat untuk menempatkan cawangan mereka di sini. Bahkan, rasional mereka yang utama adalah untuk mengambil kesempatan daripada pengecualian cukai, infrastruktur yang baik, kestabilan politik dan tenaga buruh yang murah di Malaysia demi mengurangkan kos pengeluaran mereka (Rasiah 1988). Selain daripada itu, syarikat transnasional ini lebih menekankan kepada kepentingan korporat mereka tanpa

mempedulikan kehendak negara yang memerlukan lebih banyak pengaliran teknologi dalam memajukan industri di negara ini

Kemasukan teknologi yang rendah ini menyebabkan jurang teknologi antara negara membangun seperti Malaysia ini menjadi semakin luas dan menjadi lebih sukar bagi Malaysia untuk mengejar teknologi yang lebih maju untuk pembangunan negara.

3.5.2.4.Faktor Ketidaktentuan

Kemasukan FDI dipengaruhi oleh beberapa penentu sama ada faktor penolak dan penarik. Di antara faktor penentu adalah kos buruh yang rendah, kestabilan ekonomi dan politik dan sebagainya.

Namun kemasukan FDI di sini juga bersifat kepada satu persinggahan di mana walaupun banyak terdapat faktor-faktor penarik dan penolak firma-firma asing akan berada di Malaysia selagi faedah yang mereka perolehi seperti kos yang rendah, polisi yang menarik, tenaga buruh yang banyak akan menguntungkan mereka. Apabila terdapat keadaan yang sama di negara lain malah mempunyai faktor-faktor yang lebih menarik, firma-firma ini akan beralih dari Malaysia. Keadaan ini di panggil ‘footloose’ apabila faedah untuk firma berpindah ke negara baru tersebut adalah lebih baik daripada mengekalkan firma mereka di sini.

Di antara contoh yang terbaik adalah industri pembuatan pemain cakera (disk drive) di mana lebih satu dekad dahulu, Singapura merupakan pengeluar dan pengeksport utama dunia dalam industri pemain cakera tersebut. Namun pada masa ini, Pulau Pinang telah mengambil alih kedudukan tersebut apabila kebanyakan firma di dalam industri tersebut telah beralih ke Pulau Pinang kerana kos yang lebih murah. Walau

bagaimanapun, kedudukan ini mungkin tidak kekal lama apabila negara-negara pasaran baru seperti China dan Vietnam boleh menawarkan tarikan pelaburan yang lebih menarik daripada Malaysia, di samping tenaga buruh yang tidak terhad.

Selain daripada itu, antara faktor penentu yang penting dalam menarik dan mengekalkan FDI di Malaysia adalah kestabilan ekonomi. Jika negara mengalami ketidakstabilan ekonomi contohnya krisis ekonomi yang berlaku pada tahun 1997 ia boleh menyebabkan pelabur-pelabur asing tidak akan melabur di negara ini disamping pelabur-pelabur yang berada di dalam negara akan cuba menarik keluar modal mereka. Walaupun penarikan modal FDI dari negara ini tidak secepat penarikan pelaburan portfolio, namun ia tetap memberi kesan kepada ekonomi.

3.5.2.5 Masalah Pemindahan Harga

Masalah pemindahan harga (transfer pricing)⁷ merupakan satu masalah daripada kemasukan FDI ke Malaysia. Masalah pemindahan harga ini melibatkan masalah penyelewengan yang dilakukan oleh syarikat asing terutamanya untuk mengelakkan beban cukai. Melalui kaedah ini, syarikat transnasional akan cuba melaporkan nilai untung yang rendah daripada keuntungan yang sebenar bagi cawangannya yang mempunyai kadar cukai yang tinggi. Keadaan sebaliknya berlaku di cawangannya yang mempunyai cukai yang rendah.

Masalah pemindahan harga ini seterusnya memberi keadaan yang defisit kepada imbalan perbelanjaan. Ini kerana hasil cukai yang sepatutnya diperolehi dari syarikat asing tidak diperolehi akibat penyelewengan ini. Kebanyakan keuntungan syarikat asing ini juga biasanya dipindahkan di ibu pejabat utamanya contohnya di Jepun atau Amerika

⁷ Keterangan lanjut, sila rujuk Chidambar (1996)

Syarikat. Masalah ini menjadi lebih rumit lagi apabila ia sukar dikesan kerana wujud perdagangan antara cawangan negara yang berlainan di kalangan syarikat transnasional.

3.6 Kesimpulan

Kepentingan FDI di dalam ekonomi Malaysia memang tidak dapat dinafikan. Bermula seawal tahun 1920, Malaysia telah menjadi destinasi pelaburan. Namun, corak pelaburan terhadap sesuatu sektor berubah seiring dengan perubahan masa, dasar dan polisi kerajaan. Begitu juga dengan negara pelabur utama turut bertukar ganti berdasarkan wujudnya faktor penolak dan penarik dalam penentuan FDI. Ini termasuk faktor-faktor seperti keadaan ekonomi, politik, kos, insentif dan kemudahan-kemudahan yang disediakan. Walaupun FDI amat penting amat penting dan memberi kebaikan kepada Malaysia namun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu ditangani agar ia tidak menjadi penghalang kepada proses pembangunan di Malaysia dan dapat membantu dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara membangun menjelang tahun 2020.